

UMS-KAL kukuh hubungan kerajaan, swasta

um 26/10/2011 26

LABUAN 25 Okt. - Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) mengalu-alukan penglibatan jabatan dan agensi kerajaan serta swasta untuk mengadakan pelbagai program di universiti tersebut.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata, kerjasama tersebut bukan sahaja mendekatkan warga UMS-KAL terhadap program kemasyarakatan, malah ia

dapat menjalin hubungan dua hala dengan pemimpin tempatan.

"Kita juga akan mengadakan program kemasyarakatan agar penuntut UMS-KAL lebih dekat dengan masyarakat setempat, sekali gus mempromosikan universiti ini sebagai sebuah gedung ilmu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena sambutan Hari Wanita 2011 di Dewan Theatrette, Universiti Malaysia Sabah, Kampus

Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), baru-baru ini.

Sambutan Hari Wanita tahun ini bertemakan Wanita Penjalin Perpaduan dan ia dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Wan Hasmah Wan Mohd.

Ia dianjurkan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Labuan dengan kerjasama UMS-KAL, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional, Amanah Raya Berhad dan Jabatan Tenaga Kerja.